

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL  
HAMID [ KUALA LANGAT ]**

**TARIKH : 19 JUN 2014**

**SOALAN :**

**YB Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pekerja yang masih bertaraf kontrak yang melebihi 3 tahun dan usaha yang dilakukan untuk memberi taraf pekerja tetap pada penjawat awam.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2013, bilangan pegawai kontrak dalam perkhidmatan awam yang berkhidmat lebih daripada tiga (3) tahun adalah seramai 41,186 orang iaitu 37,011 (89.9%) adalah lantikan *Contract of Service* dan 4,175 (10.1%) adalah lantikan *Contract for Service*.

Dasar yang berkuat kuasa telah menetapkan bahawa pelantikan kontrak dibuat atas keperluan berikut:

- i. untuk melaksanakan sesuatu tugas atau projek bagi tempoh yang terhad; atau
- ii. melaksanakan tugas bidang kemahiran tertentu melalui jawatan yang diwujudkan secara sementara bagi tujuan pembayaran gaji; atau
- iii. bentuk tugas yang hendak dilaksanakan lebih sesuai dilaksanakan oleh pegawai kontrak seperti perkhidmatan Bakat dan Seni.

Memandangkan pelantikan kontrak adalah bagi tujuan dan tempoh tertentu, Kerajaan tidak meletakkan komitmen pegawai akan dilantik atau diserap ke jawatan tetap. Walau bagaimanapun, dari semasa ke semasa, Kerajaan membantu pegawai lantikan kontrak

yang akan menghadiri sesi temu duga bagi tujuan pelantikan secara tetap seperti melalui program “*Coaching*” dan “*Mentoring*” yang disediakan oleh Ketua Perkhidmatan yang berkenaan. Dalam masa yang sama, pegawai juga didedahkan dengan program latihan bagi meningkatkan lagi kompetensi dalam bidang pekerjaan. Program tersebut dan pendedahan berterusan melalui program latihan akan dapat membantu pegawai untuk membuat persediaan semasa melalui temuduga jawatan tetap.

Sekian. Terima kasih.

Disediakan oleh:

Nama Pegawai : **Dato' Mohtar bin Mohd Abd. Rahman**  
Jawatan : **Pengarah**  
Bahagian : **Perkhidmatan**  
No. Telefon : **03-88854002**  
Emel : **mohtar@jpa.gov.my**